



KKM memerlukan petugas tambahan bagi memastikan usaha mengesan dan memberi rawatan ke atas pesakit berjalan lancar serta dapat mengekang penularan pandemik COVID-19 di negara ini.

# KKM perlu 11,280 petugas tambahan

Permohonan dikemuka kepada JPA pastikan operasi tangani pandemik lebih lancar

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Luqman Arif Abdul Karim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan 11,280 petugas kesihatan tambahan dalam usaha menangani pandemik COVID-19.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata anggaran itu berdasarkan jumlah anggota bantuan yang diperlukan dalam sebulan bagi memastikan operasi KKM berjalan dengan lebih lancar.

"KKM sudah membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Keperluan (tambahan kakitangan) ada dimohon, cuma isunya saya tidak dapat beritahu keputusannya.

"Dalam keadaan sekarang, pihak JPA pertimbangkan yang terbaik untuk membantu KKM. Saya mengucapkan terima kasih kepada JPA kerana prihatin," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Dr Adham berkata, berdasarkan anggaran keperluan anggota tambahan sebulan, KKM memerlukan 6,075 jururawat, penolong pegawai perubatan (900), pegawai kesihatan persekitaran (PKP) dan seramai 750 penolong pegawai kesihatan persekitaran (PPKP) serta 600 pakar.

Katanya, KKM turut memerlukan seramai 600 pembantu kesihatan awam, pegawai perubatan (480), pemandu (450), pemandu KKM (450), 375 juruteknologi makmal perubatan (JTMP) dan 150 pembantu tadbir (PT).

Selain itu, 150 juruX-ray diperminta, 75 pembantu perawatan kesihatan (PPK) dan masing-masing 75 pegawai farmasi, pegawai teknologi maklumat (IT) dan pegawai sains.

Sementara itu, timbalannya, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali, berkata setakat ini 3,591 petugas kesihatan sudah diluluskan dan pengambilan baharu itu sedang diuruskan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

Beliau berkata, KKM turut memohon penyambungan kontrak pegawai sedia ada dan perkara itu kini dalam pertimbangan JPA.

"Insya-Allah petugas ini akan dimobilisasikan, selain pegawai tetap dalam usaha KKM menangani pandemik COVID-19."

"Mobilisasi penjawat awam dalam kalangan bukan petugas ke-

sihan pula sedang diselaraskan oleh JPA," katanya.

*BH* semalam melaporkan sekurang-kurangnya dua kementerian sudah menghantar permohonan kepada JPA bagi mendapat khidmat sokongan penjawat awam daripada kementerian lain atau menerusi agensi dalam kementerian sama.

Perkara itu dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Mohd Khairul Adib Rahman yang mengesahkan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memerlukan bantuan sekurang-kurangnya 10,000 penjawat awam daripada kementerian lain, manakala manakala Kementerian Dalam Negeri (KDN) memaklumkan mahu menggunakan khidmat Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) bagi membantu Jabatan Penjara.

Katanya, mobilisasi penjawat awam antara jabatan adalah untuk menjayakan program vaksinasi COVID-19, tetapi tidak membabitkan sebarang perjawatan baru.

**KKM sudah membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Keperluan (tambahan kakitangan) ada dimohon, cuma isunya saya tidak dapat beritahu keputusannya.**

**Dr Adham Baba,  
Menteri Kesihatan**

